

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH  
[KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah peranan yang telah dimainkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang bertindak sebagai orang tengah dalam perniagaan seperti PERNAS EDAR, FELDA NIAGA, FAMA, NAFAS dan lain-lain dalam menstabilkan harga barang-barang di Malaysia.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Tugas untuk menstabilkan harga barang, turut melibatkan pelbagai Kementerian. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui program Jihad Memerangi Orang Tengah telah mula menunjukkan kesan yang positif seperti penurunan harga ke 73 komoditi barangan terpilih pada harga yang berpatutan di Pasar Tani.

Sepanjang tahun 2014, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian ini ke arah memerangi manipulasi dan monopoli segelintir Orang Tengah ini seperti berikut:

**Jihad Memerangi Orang Tengah Subsektor Padi (dilancarkan pada 16 Januari 2014)**

- i. Mewujudkan 36 Pusat Belian Padi bagi pesawah menjual terus hasil padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan tanpa melalui Orang Tengah; dan
- ii. Bagi meningkatkan kualiti padi, bimbingan dan fasilitasi telah diadakan secara berterusan bagi menerapkan Amalan Pertanian Baik kepada pesawah sekali gus akan meningkatkan pendapatan pesawah berkenaan.

**Jihad Memerangi Orang Tengah Subsektor Perikanan (dilancarkan pada 9 Februari 2014)**

- i. Mewujudkan 49 Pasar Nelayan sepanjang tahun 2014 yang bertujuan untuk memberi ruang pemasaran kepada nelayan dalam memasarkan hasil tangkapan terus kepada pengguna; dan
- ii. Di samping itu, Kementerian juga telah menggerakkan inisiatif supaya pembelian terus hasil tangkapan ikan oleh Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dilaksanakan dengan menawarkan harga setanding kepada nelayan Zon A.

**Jihad Memerangi Orang Tengah Subsektor Sayuran dan Buah**  
**(dilancarkan pada 23 Mei 2014)**

- i. Menambah Pasar Tani di seluruh negara kepada 1000 buah menjelang tahun 2020. Sehingga kini sebanyak 580 Pasar Tani telah diwujudkan bagi memberi ruang pemasaran kepada pengeluar untuk menjual hasil agromakanan terus kepada pengguna;
- ii. Mentransformasi ruang pemasaran konvensional kepada pemasaran moden dengan:
  - a. menambah bilangan Agrobazaar Kedai Rakyat kepada 283 buah;
  - b. 147 Karavan Tani; dan
  - c. memperkenalkan Agrobazaar.com sebagai platform pemadanan perniagaan kepada pengeluar dan pengguna/ peruncit.

Berdasarkan kepada pencapaian dan penemuan isu-isu yang berkaitan semasa pelaksanaan program ini pada tahun 2014, pelaksanaannya perlu menjurus ke arah memperkukuh dan memperkuat penguasaan di setiap rangkaian nilai sektor agromakanan dalam aspek pengeluaran, perkhidmatan sokongan, pemprosesan dan pemasaran agar pelaksanaan program ini dilihat relevan ke arah mencapai objektif yang telah disasarkan.